

Henti guna isu perkauman, agama untuk politik: PM

> Kerajaan PH dituduh gadaai kepentingan Melayu, Islam

Oleh Wan Faizal Ismayatim, Irwan Shafrihan Ismail, Zanariah Abd Mutalib dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya

Tun Dr Mahathir Mohamad mahu semua pihak, terutama pembangkang berhenti menggunakan isu perkauman dan agama untuk kepentingan politik.

Perdana Menteri berkata, sejak beberapa bulan kebelakangan ini, kerajaan dituduh tidak peduli terhadap Islam dan Melayu, akur kepada kehendak bukan Islam dan bukan Melayu sehingga menggadaikan kepentingan bangsa Melayu dan orang Islam.

Beliau berkata, tuduhan itu dilakukan oleh gerakan yang pasti didalangi mereka yang tewas pada pilihan raya dan agak ketakutan menghadapi proses undang-undang yang mula membelenggu mereka.

"Tidak cukup dengan itu, kita (kerajaan) juga dituduh mahu melupuskan sistem beraja. Atas sebab ini, mereka bergabung dan dasar yang mereka pegang untuk kononnya mempertahankan Raja-Raja Melayu, kedudukan orang Melayu dan kedaulatan Islam.

"Pesanan saya, cukup-cukuplah menggunakan isu perkauman dan agama untuk kepentingan politik," katanya dalam Perutusan Perdana Setahun Malaysia Baharu Kerajaan Pakatan Harapan (PH) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICG) di sini, semalam.

PAS dan UMNO bergabung Perdana Menteri berkata, amat menghairankan bagaimana PAS dan UMNO boleh bergabung dan bekerjasama sedangkan semua tahu UMNO selama ini dikafirkan oleh PAS dan pemimpin PAS terutama Presidennya, Datuk Seri Hadi Awang, tidak pernah menarik balik amanatnya.

"Kerana itu bertahun-tahun lamanya sehingga Pilihan Raya Umum Ke-14, orang Melayu yang percaya kepada PAS tidak akan mengundi UMNO, walaupun di kerusi yang PAS tidak bertanding.

"Mereka lebih rela mengundi DAP, PKR, PBS (Parti Bersatu Sabah) dan mana-mana parti pimpinan orang Islam atau pun tidak, asalkan bukan UMNO.

"UMNO pula ditolak rakyat pada PRU-14 kerana mereka dipimpin oleh seorang kleptokrat dan bertanggungjawab membenarkan penjarahan secara besar-besaran dilakukan terhadap institusi Melayu dan Islam seperti Tabung Haji, FELDA, MARA dan sebagainya," katanya.

Perdana Menteri berkata, pada PRU-14, PH tampil ke hadapan dan bersama rakyat daripada semua kaum menyekat kebatilan yang dilakukan kerajaan UMNO dan Barisan Nasional (BN).

Pesanan saya, cukup-cukuplah menggunakan isu perkauman dan agama untuk kepentingan politik"

Dr Mahathir Mohamad,



Bagaimanapun, katanya, apabila matlamat itu tercapai, hari ini PAS menyeru penyokongnya untuk bersama UMNO bagi mempertahankan Melayu dan Islam.

"Di manakah mereka ketika pemimpin UMNO mencuri dan menjarah harta negara menerusi 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Tabung Haji dan FELDA serta lain-lain institusi kerajaan seperti KWAP (Kumpulan Wang Persaraan) dan EPF (Kumpulan Wang Simpanan Pekerja)?"

Persoal motif perhimpunan

"Kerana itu, perjuangan yang kononnya untuk mempertahankan Melayu dan Islam tidak lain daripada mempertahankan perompak negara yang berharap jika kerajaan ini jatuh, maka kes yang mereka hadapi akan gugur dan tidak perlu bertanggungjawab dengan dosa dan kerosakan mereka lakukan," katanya.

Sementara itu, menulis dalam blognya, Dr Mahathir mem-

persoalkan satu perhimpunan pada Sabtu lalu kononnya untuk mempertahankan kedaulatan Islam dan Perlembagaan tetapi cuba mendapatkan sokongan parti politik tertentu.

Beliau tertanya-tanya sama ada benar perhimpunan tersebut bertujuan mendaulatkan Islam atau bagi mendapatkan sokongan bagi parti politik tertentu kerana mereka yang memimpin dan berucap adalah pemimpin UMNO dan PAS.

"Jika ia bertujuan mendaulatkan Islam, sepatutnya ia tidak terhad kepada parti politik tertentu sahaja. Gandingan parti ini tidak mencerminkan solidariti orang Islam, bahkan ia mengasing dan memisahkan umat Islam di Malaysia," katanya dalam blog <http://chedet.cc>, semalam.

Untuk teks ucapan

dan video Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, layari BH Online di <http://www.bharian.com.my>